



**PARANG ILANG SEBAGAI INTERPRETASI FALSAFAH ALAM TAKAMBANG JADI GURU
DALAM BUDAYA MASYARAKAT IBAN**

(Parang Ilang As An Interpretation Of Alam Takambang Jadi Guru Philosophy In Iban's Culture)

Adilawati Asri^{1*}, Noria Tugang¹

¹Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: 17010034@siswa.unimas.my

Received: 5 September 2019 • Accepted: 25 November 2019 • Published: 30 April 2020

Abstract

*This research explores the craft and creativity of the art of Ilang as an interpretation of the philosophy of 'Being a Teacher' in the life of the Iban community. Symbolism towards the elements of nature is often used to express various ideas and meanings about their practices, culture, and life. This research uses a qualitative approach as a whole. Data obtained through qualitative approach using observations and interviews. Overall research has found that the human mind is made up of natural properties. Humans learn from nature and create the aesthetics they learn from it. Nature is made as a 'teacher', a human mind built from nature. This means that the developing world teaches humans to think creatively and to create something using natural resources, such as parang Ilang. Every event that happens around human life may not be separated from nature. The Iban people live in a natural environment. For them, nature is a 'teacher' to solve all the problems that occur in their lives. For some individuals in the Iban community, they are skilled at producing crafts that use the natural elements that exist in their environment. The aesthetic values of parang Ilang can also be seen through the uses of nature such as the consumption of wood (*Eusideroxylon Zwageri*) on the part of parang's cover. This indicates that nature as a teacher or terms of thought and ideology, as well as the symbolism of perseverance and psychology of the maker of the parang Ilang. Through nature, the Iban community made crafts using natural elements on the parang Ilang that reflected their aesthetic and artistic values as well as their culture.*

Keywords: Ilang, Aesthetic, Arts, Philosophy of Alam Takambang Jadi Guru, Iban's culture

Abstrak

Kajian ini menerangkan tentang kerajinan dan kekreativiti seni tentang parang *Ilang* sebagai tafsiran falsafah Alam Takambang Jadi Guru dalam kehidupan masyarakat Iban. Simbolisme ke arah unsur-unsur alam sering digunakan untuk menyatakan pelbagai idea dan makna tentang amalan, budaya dan kehidupan mereka. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhan. Data yang dicapai melalui pendekatan kualitatif yang menggunakan pemerhatian dan temubual daripada informan yang pakar terhadap parang *ilang*. Keseluruhan penyelidikan mendapati bahawa minda manusia dibina daripada sifat-sifat alam. Manusia belajar daripada alam semula jadi dan mencipta estetika yang mereka pelajari dari alam. Alam dijadikan 'guru', iaitu pemikiran manusia yang dibina dari alam semulajadi. Ini bermakna alam berkembang mengajar manusia untuk berfikir secara kreatif dan menghasilkan sesuatu penciptaan menggunakan sumber alam, seperti parang *Ilang*. Setiap peristiwa dan perkara yang berlaku di sekitar kehidupan manusia mungkin tidak boleh dipisahkan dengan alam semulajadi. Masyarakat Iban tinggal di persekitaran alam semulajadi. Bagi mereka, alam dijadikan guru untuk menyelesaikan semua masalah yang berlaku dalam kehidupan mereka. Bagi sesetengah individu dalam masyarakat Iban, mereka mahir dalam menghasilkan kraf yang menggunakan unsur-unsur alam yang wujud di persekitaran mereka. Nilai-nilai estetika parang *Ilang* juga dapat dilihat melalui pemanfaatan sumber alam seperti penggunaan kayu belian (*Eusideroxylon Zwageri*) pada bahagian sarung parang. Ini menunjukkan bahawa alam sebagai guru atau istilah berfikir dan ideologi di samping simbol ketekunan dan psikologi pembuat parang *Ilang*. Melalui alam semulajadi, masyarakat Iban membuat kerajinan yang menggunakan sumber alam pada parang *Ilang* yang menunjukkan nilai estetika dan seni di samping budaya mereka.

Kata Kunci: Parang *Ilang*, Estetika, Seni, Falsafah Alam Takambang Jadi Guru, Budaya Masyarakat Iban

Cite as: Asri, A., Tugang, N. (2020). Parang *Ilang* As An Interpretation Of Alam Takambang Jadi Guru Philosophy In Iban's Culture. *Asian People Journal*, 3(1), 1-18.

PENGENALAN

Kajian ini adalah bagi menyingkap salah satu daripada warisan kesenian dalam budaya masyarakat Iban. Bagi peninggalan yang berbentuk warisan kesenian adalah sesuatu yang dapat dilihat atau dilahirkan dalam dua bentuk, iaitu yang mendasari kepada seni rupa dan seni persembahan. Bagi seni rupa, ia diciptakan dalam dua bentuk, iaitu dua dimensi dan tiga dimensi. Selain itu, kewujudan sesuatu warisan kesenian yang berbentuk seni rupa boleh dikaitkan dengan keperluan manusia untuk memenuhi keperluan asasnya di samping sebagai alat bantuan dalam menyempurnakan dan memudahkan kehidupan seharian mereka. Bagi kajian ini, ia berkaitan mengenai warisan kesenian yang berbentuk seni rupa, iaitu parang *ilang* yang dimiliki oleh masyarakat Iban. Kajian terhadap sesuatu seni rupa adalah bertujuan memperlihatkan sebagai salah satu kerangka yang berupaya menggambarkan kepercayaan, idea, nilai, sikap, pemikiran dan falsafah estetika dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

Kewujudan sesuatu seni rupa itu sebenarnya adalah salah satu cerminan kepada sesebuah masyarakat yang bertamadun atau mempunyai daya intelektual yang tinggi. Kearifan dan kepandaian masyarakat Iban dalam membaca dan menilai bentuk dan sifat alam menyebabkan mereka mampu menjadikan alam semulajadi sebagai simbol dan sumber falsafah yang diterjemahkan ke dalam seni rupa parang *ilang*. Justeru itu, perilaku dan sifat alam melahirkan simbol pada seni rupa parang *ilang* sekaligus memperlihatkan nilai-nilai estetika.

Masyarakat Iban adalah kelompok majoriti yang mendiami di seluruh pelusuk di Sarawak. Dalam budaya masyarakat Iban, terdapat beberapa objek yang penting, iaitu parang *ilang*, *pua kumbu* dan *tajau*. Parang *ilang* adalah merupakan senjata warisan yang amat dihormati serta menyanjung pemilik objek tersebut. Pada zaman dahulu, parang *ilang* adalah merupakan senjata yang pernah digunakan untuk tradisi *ngayau* atau memenggal kepala pihak musuh di medan peperangan oleh golongan pahlawan Iban (Rajah 1). Bagi mereka, kejayaan seseorang pahlawan adalah bergantung kepada jumlah kepala yang dipenggal dalam tradisi *ngayau*. Ia melambangkan keunggulan sebagai seorang pahlawan dan golongan tersebut diberikan pengiktirafan yang tertinggi serta perubahan status sosial mereka di dalam kehidupan. Setelah tamat tradisi *ngayau*, masyarakat Iban menggunakan parang *ilang* dalam aktiviti seharian seperti berkebun dan memburu binatang. Selain itu, parang *ilang* juga dianggap serta diiktiraf sebagai salah satu harta pusaka yang diwarisi secara bergenerasi kerana peranannya dalam budaya masyarakat Iban amat jelas serta memberi makna yang amat mendalam untuk dihayati bersama.




Rajah 1: Parang *ilang* dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak
(Sumber: Adilawti Asri, 2019)

Pada zaman dahulu, parang *ilang* hanya digunakan sebagai salah satu peralatan senjata untuk mempertahankan dan melindungi diri daripada ancaman pihak musuh di medan peperangan atau tradisi memenggal kepala. Apabila berlaku perubahan zaman, maka pembuat parang *ilang* mula mencari sumber idea dan menjadikan sumber alam sebagai tumpuan yang utama.

Dalam pembuatan parang *ilang*, ia melibatkan sumber belajar dari sumber alam. Bagi menghasilkan parang *ilang*, maka pembuat parang amat memerlukan sudut penghayatan terhadap alam semulajadi yang tinggi bagi memperoleh sumber idea dan inspirasi bagi memastikan objek tersebut memiliki nilai estetika dan nilai seni.

Melalui falsafah *Alam Takambang Jadi Guru* oleh Navis (1984) yang disesuaikan dengan cara hidup masyarakat Iban, maka mereka dapat memperlihatkan keindahan alam pada parang *ilang*. Tambahan pula, pengaplikasian sumber alam terhadap parang *ilang* dapat memperlihatkan nilai estetika dan nilai seni tersendiri yang menggambarkan budaya masyarakat Iban. Dapat dinyatakan bahawa pemikiran masyarakat Iban adalah terbina dari alam dan seterusnya menyumbang kepada kekreativiti dalam melahirkan sesuatu ciptaan yang memperlihatkan nilai-nilai estetika dan seni yang tersendiri.

Kajian ini menggunakan teori Seni Rupa oleh Syed Ahmad (1992) seperti Rajah 2 bagi menganalisis kerajinan dan kekreativiti seni tentang parang *Ilang* untuk terhadap menemukan tafsiran falsafah *Alam Takambang Jadi Guru*. Berdasarkan kepada komponen bentuk tampak dalam sesebuah seni rupa, ia adalah merupakan suatu hasil bentuk yang diilhamkan daripada imaginasi kepada realiti. Bagi elemen bentuk tampak, ia terjana secara tidak langsung hasil daripada kerja tangan pencipta yang menzahirkan atau merealisasikan sesuatu perkara. Bagi komponen unsur alam pula, ia adalah merupakan subjek idea bagi penghasilan bentuk tampak bagi sesuatu seni rupa. Unsur alam diperoleh dari lingkungan persekitaran di dalam kehidupan sesebuah masyarakat pencipta. Subjek idea daripada unsur-unsur alam semulajadi dijadikan sebagai sumber idea atau inspirasi bagi menghasilkan sesuatu bentuk tampak bagi aspek ragam hias. Seterusnya adalah elemen jiwa dan falsafah. Jiwa dan falsafah adalah merupakan elemen terpenting yang berkaitan dengan dalaman manusia. Elemen ini adalah berkaitan dengan pengamatan dan pemikiran seseorang pencipta. Manusia memiliki satu daya intelektual yang mendorong mereka untuk berfikir tentang sesuatu perkara yang dapat memberi kepuasan kepada diri mereka di dalam kehidupan seharian. Selain itu, elemen jiwa dan falsafah juga adalah perkara yang perlu dirungkai agar ia dapat memperlihatkan sesuatu bentuk pemikiran manusia terhadap sesuatu perkara yang berkaitan dengan sesebuah seni rupa. Dalam sesebuah hasil seni, elemen bentuk tampak, unsur alam serta elemen jiwa dan falsafah adalah merupakan gabungan yang mempunyai perkaitan penting dan berperanan dalam membentuk seni rupa sesuatu objek yang menyumbang kepada interpretasi *Alam Takambang Jadi Guru*.



Rajah 2: Teori Seni Rupa oleh Syed Ahmad (1992)

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menyingkap salah satu warisan seni rupa, iaitu parang *ilang* sebagai interpretasi falsafah *Alam Takambang Jadi Guru* dalam budaya masyarakat Iban.

KAJIAN LITERATUR

Tinjauan literatur sangat penting bagi melihat dan mengetahui perkembangan sesuatu bidang kajian yang dijalankan. Ini kerana ia bertujuan untuk mengelakkan pertindihan tajuk atau berlaku persamaan tajuk kajian. Selain itu, pengumpulan hasil-hasil kajian lepas adalah penting kerana secara tidak langsung ia membuktikan bahawa topik ini kurang dibuat penyelidikan dan perincian pada beberapa bahagian yang tertentu. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa kurangnya hasil kajian lepas secara saintifik yang menerangkan sepenuhnya mengenai topik ini yang mendasari kepada aspek yang dikaji.

Kajian ilmiah mengenai parang *ilang* oleh Amee Joan (2012) yang membincangkan konteks pembuatan, penghasilan dan fungsinya di dalam kehidupan dan budaya masyarakat Iban. Bagi Utusan Sarawak oleh Rania Paran (2010) yang memperlihatkan kepada pengakhiran tradisi memenggal kepala, namun parang *ilang* masih menjadi simbol budaya yang penting bagi masyarakat pribumi di bumi Sarawak. Tambahan pula, usaha terhadap melindungi seni warisan parang *ilang* dalam masyarakat pribumi di Sarawak perlu dipergiatkan agar objek tersebut akan terus terpelihara dan diwarisi oleh generasi mereka.

Sesebuah warisan ketara (*intangible heritage*) seperti parang *ilang* perlu dipelihara dalam budaya dan masyarakat Iban agar ia dapat menjadi tatapan kepada generasi mereka di masa hadapan. Ini kerana parang *ilang* melambangkan simbol kebudayaan masyarakat pribumi Sarawak dari aspek rupa dan jiwa objek tersebut. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa falsafah alam berkembang menjadi guru dalam konteks budaya masyarakat Iban yang berfokus kepada parang *ilang* agak kurang dibuat penelitian dan perincian oleh kajian-kajian lepas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif untuk memperolehi data. Bagi kajian ini yang menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu bertujuan untuk menghurai dan memahami sesuatu perkara secara *exploring a concept of phenomena* (Creswell, 2009). Ini kerana kebanyakan kajian lepas terhadap kewujudan alam sekitar terhadap sesuatu ciptaan manusia yang menggunakan elemen-elemen alam bagi menghasilkan kraf seperti parang *ilang* adalah kurang dibuat perincian dan penelitian secara terperinci.

Pendekatan kualitatif yang digunakan bagi mengendalikan sesebuah penyelidikan adalah bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena secara terperinci (Othman Talib, 2013). Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhan. Berdasarkan kepada penggunaan pendekatan kualitatif di dalam sesebuah penyelidikan, maka ia dapat mendedahkan sesuatu penyelidikan dengan menyeluruh melalui sumber perolehan data atau maklumat dari sesi kajian kerja lapangan (*fieldwork*). Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan pengkaedahan secara kualitatif bagi mendapatkan data dari pihak informan mengenai skop yang dikaji. Antara kelebihan menggunakan penyelidikan kualitatif adalah kerana ia amat menitikberatkan tentang penghuraian sesuatu fenomena berbanding menerangkan tentang perhubungan di antara pembolehubah (Ahmad Rusli & Usop Hasbee, 2014). Kajian kualitatif juga dapat membantu penyelidik memahami perasaan, nilai dan persepsi yang mempengaruhi tingkahlaku informan. Temu bual lebih memudahkan informan kerana mereka bebas menyatakan pendapat dan anggapan mereka terhadap isu yang berkaitan. Ianya sangat membantu dalam proses pengumpulan data sekiranya kajian dilakukan ke atas isu-isu institut dan kompleks (Rusli Ahmad & Hasbee Usop, 2011). Bagi kajian ini, temu bual berstruktur akan digunakan bagi informan yang bekerja di institute kerajaan dan swasta, manakala temubual secara tidak

berstruktur digunakan kepada informan yang bekerja sendiri. Dalam kajian ini, temu bual secara bersemuka terus (*face-to-face interview*) dilakukan dengan informan. Penemubual akan menyediakan satu set soalan yang sudah ditetapkan untuk menemubual informan yang terlibat dan bekerja di institut kerajaan dan swasta.

Analisis ini diperkuat juga melalui hasil *face-to-face interview* terhadap informan pakar dalam kajian ini. Kaedah pemerhatian yang digunakan adalah sangat penting untuk memahami sesuatu fenomena. Kaedah pemerhatian juga dilakukan bagi meninjau, memerhati dari jauh dan dekat, meneliti dan melihat sendiri perkaitan alam dengan sesuatu ciptaan manusia yang merangkumi nilai-nilai seni dan estetika. Dalam menjalankan kajian ini yang menggunakan kaedah kualitatif, terdapat beberapa orang informan yang ditemubual bagi mendapatkan data. Informan yang dipilih adalah berdasarkan kepada bidang kepakaran mereka, iaitu terhadap perkaitan alam dengan pembuatan parang *ilang* dalam budaya masyarakat Iban. Dalam melakukan analisis data, model *content analysis* dari Lamnek (1989) digunakan bagi tujuan pemprosesan dan penganalisan data yang diperoleh daripada kajian kerja lapangan yang dijalankan.

HASIL KAJIAN


Bentuk tampak pada parang *ilang* adalah bergantung kepada fungsi parang *ilang* dalam budaya masyarakat Iban. Pada zaman dahulu, parang *ilang* dicipta hanya satu tujuan sahaja, iaitu sebagai alat senjata yang digunakan dalam tradisi *ngayau* (Rajah 3). Ini kerana pada zaman dahulu parang *ilang* tidak boleh dimiliki dan dibuat sembarangan individu. Setelah berakhirnya tradisi *ngayau*, maka parang *ilang* mengalami proses perubahan fungsi di mana ia digunakan dalam adat isitiadat, kegiatan pertanian serta memburu binatang.



Rajah 3: Parang *ilang* yang hampir berusia ratusan tahun dan pernah digunakan dalam tradisi *ngayau*.
(Sumber: Adilawati Asri, 2019).

Berdasarkan kepada komponen unsur alam terhadap kerajinan tangan dan kekreativiti seni terhadap parang *ilang* adalah dapat dilihat pada struktur fizikal parang *ilang*. Misalnya pada bahagian sarung parang *ilang* yang menggunakan kayu belian (*Eusideroxylon Zwageri*). Bagi menghasilkan sarung parang *ilang* yang menggunakan kayu tersebut, maka ia memerlukan kepada ketekunan dan kemahiran yang tinggi memandangkan sifat kayu tersebut yang agak keras. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa pembuat parang *ilang* menggunakan sumber alam seperti kayu belian dan mengubahnya kepada bentuk yang lebih menarik (Rajah 4). Manakala bagi komponen jiwa dan falsafah, ia adalah berkaitan dengan pemikiran dan pengamatan seseorang individu pembuatnya. Bagi individu pembuat parang *ilang*, jiwa dan falsafah dapat dilihat mengenai pengubahan parang

ilang dari tujuan asal sebagai alat senjata untuk tradisi ngayau kepada hasil kerajinan tangan, iaitu produk seni perhiasan (Rajah 5). Ini kerana keupayaan individu tersebut terhadap menjadikan alam sebagai sumber interpretasi di samping dapat menjana pendapatan.



Rajah 4: Sarung parang *ilang* yang diperbuat daripada sumber hutan yang menggunakan kayu belian (Sumber: Adilawati Asri, 2019).



Rajah 5: Parang *ilang* yang dihasilkan pada zaman sekarang sebagai salah satu produk seni (Sumber: Adilawati Asri, 2019).

Berdasarkan kepada kewujudan fenomena alam, ia dilihat dari aspek bentuk, sifat dan ciri alam yang dimetaforakan dalam semua aspek kehidupan oleh masyarakat Iban. Penempatan masyarakat Iban di Sarawak memperlihatkan bentuk alam yang unik, di mana kehidupan mereka dikelilingi hutan tebal dan kaya dengan sumber alam. Berdasarkan kepada kebijaksanaan dan pemikiran masyarakat Iban terhadap persekitaran, maka mereka memanfaatkan sumber alam yang sedia ada. Mereka mencipta objek seperti parang *ilang* yang menggunakan bentuk-bentuk alam seperti mengubah bongkah kayu belian kepada bentuk yang lain dan cantik (Rajah 6). Manakala bagi sifat alam pula, kelestarian hidup dalam masyarakat Iban adalah mereka mengamalkan cara hidup nomad. Ini kerana penempatan masyarakat Iban yang agak berbukit, maka perlu memahami aspek-

aspek tersebut agar memastikan kelestarian hidup di masa akan datang. Justeru itu, penggunaan parang *ilang* sebagai alat dan senjata penting untuk bersaing bagi memperoleh kehidupan yang lebih baik. Bagi ciri alam pula, alam sentiasa berubah seiring dengan peredaran zaman. Kebanyakan parang *ilang* yang pernah dijadikan sebagai senjata pada zaman dahulu kini diperlihatkan sebagai salah satu produk kraf perhiasan. Ini kerana pemikiran dan citara masyarakat Iban yang sentiasa berubah seiring dengan zaman.



Rajah 6: Parang *ilang* dalam budaya masyarakat Iban
(Sumber: Adilawati Asri, 2019)

Kedekatan masyarakat Iban dengan alam dalam melakukan pelbagai aktiviti, ia sebenarnya memperlihatkan mereka terhadap berkomunikasi dengan alam. Ini kerana masyarakat Iban menjadikan alam sebagai sumber belajar. Di samping itu, melalui kewujudan alam, masyarakat Iban memperoleh sumber pengetahuan serta inspirasi terhadap menyelesaikan sesuatu perkara di dalam kehidupan mereka.

Kewujudan alam bukan sahaja sebagai sumber belajar kepada masyarakat Iban malah dapat membantu membentuk kepada daya intelektual terhadap menyampaikan sesuatu perkara samada dalam bentuk intrinsik dan ekstrinsik. Bagi sumber belajar dari alam dalam bentuk intrinsik, masyarakat Iban dapat membentuk pemikiran yang seterusnya kepada kekreativiti terhadap sesuatu perkara. Manakala dari aspek ekstrinsik pula, masyarakat Iban menzahirkan pemikiran mereka terhadap alam melalui tindak tanduk mereka dalam sesuatu perkara (Rajah 7). Sehubungan itu, sesuatu hasil kerajinan tangan masyarakat Iban di dalam menghasilkan objek seni rupa adalah refleksi daripada pemikiran dan pengamatan mereka terhadap alam. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Iban menjadikan alam sebagai sumber belajar yang kemudiannya diterjemahkan melalui hasil kerajinan tangan mereka yang menggunakan sumber alam.

Hasil kerajinan tangan masyarakat Iban seperti kraf parang *ilang* adalah membuktikan bahawa mereka berkomunikasi dengan alam. Tambahan pula, kedudukan penempatan rumah panjang masyarakat Iban yang terletak di kawasan hutan tebal membolehkan mereka memahami alam persekitaran. Justeru itu, penggunaan peralatan amat diperlukan untuk memastikan penjanaan kehidupan masyarakat Iban pada masa-masa akan datang.



Rajah 7: Hasil penyelidikan
(Sumber: Adilawati Asri, 2019)

Parang *ilang* juga adalah salah satu manifestasi atau gambaran keindahan jiwa, nilai sejarah dan budaya yang dimiliki oleh masyarakat Iban. Keindahan pada parang *ilang* dapat dilihat dari aspek pembuatan, penggunaan bahan-bahan dari sumber alam, kehalusan, ketekunan dan kesabaran tukang kambuh, pengamatan terhadap alam semulajadi, daya kekeativiti serta penyusunan pohon, batang, pucuk dan dedaun pada objek tersebut.

Sesuatu keindahan juga melibatkan makna yang tersirat serta mempunyai cerita atau falsafahnya yang tersendiri. Pembuat parang *ilang* menjadikan alam semulajadi yang terdapat di sekeliling sebagai sumber belajar dan untuk meningkatkan daya kekeativiti mereka. Kemudian, dengan gabungan ketinggian ilmu, kebolehan minda dan kemahiran menggerakkan deria disalurkan kepada parang *ilang* bagi memperlihatkan nilai estetika dan seni sebagai salah satu produk kraf perhiasan. Selain itu, masyarakat Iban juga menganggap parang *ilang* sebagai salah satu harta pusaka yang diwarisi secara bergenerasi di dalam keluarga mereka.

Budaya masyarakat Iban yang menjadikan alam sebagai sumber pemikiran dan pembentukan sahsiah manusia telah wujud sejak dulu lagi. Masyarakat Iban melihat alam sebagai sumber yang mengandungi pelbagai makna yang boleh dijadikan panduan, ajaran dan juga sebagai pembimbing dalam meneruskan kehidupan. Ini kerana alam merupakan ‘guru’ yang mengajar manusia. Selain itu, minda manusia terbina dari alam semulajadi yang hidup di sekelilingnya. Manusia belajar dari sumber kejadian alam. Manusia mencipta estetika sebab mereka belajar dari alam. Justeru itu, alam dijadikan ‘guru’. Ini kerana pemikiran manusia terbina dari alam. Bermakna alam itu berkembang mengajar manusia untuk berfikir. Kehidupan manusia sering dikaitkan dengan alam semesta sebagai tempat manusia belajar dan memberi pelajaran kepada manusia yang lain. Kehidupan manusia yang bersandar kepada alam semester mewujudkan asimilasi yang sering memerlukan dalam kehidupan. Manusia memerlukan elemen-elemen alam seperti gunung, sungai, tumbuhan, tanah dan air untuk memastikan kelangsungan kehidupan yang lebih baik. Manakala, alam semesta memerlukan manusia sebagai penjaganya. Seperti dalam falsafah terkembang dijadikan guru menjadi hukum alam yang menjadi pandangan hidup dalam sesebuah masyarakat (*way of life*), dan begitulah juga falsafah yang wujud dalam kehidupan masyarakat Iban. Mereka belajar dan berasimilasi dengan alam semulajadi sehingga wujudnya nilai estetika dalam kehidupan masyarakat tersebut.

Konsep terhadap kewujudan alam juga turut diperbincangkan oleh Zainal Kling (2004). Ia adalah sesuatu kebiasaan dan ketetapan corak kehidupan manusia yang tidak hanya ditentukan oleh sifat saling bertindak balas sesama mereka saja. Selain itu, ia juga ditentukan oleh kesatuan dengan alam atau kebiasaan sikap terhadap alam di tempat manusia itu tinggal dan berusaha mencari kehidupan yang lebih baik. Setiap hari, secara tetap manusia mencari rezeki dari sumber-sumber kewujudan alam (dan juga jasa), baik siang mahupun malam, juga menurut perjalanan matahari dan bulan, turun naik dan pasang surut air laut, dan juga ketetapan perubahan iklim. Sifat alam yang sangat tetap ini menetapkan pula perilaku manusia yang berhubung dengan keadaan alamnya untuk dapat menentukan aturan hidup dan mencari sumber rezeki bagi memastikan kelangsungan hidup.

Falsafah alam dalam bahasa dan budaya masyarakat Minangkabau juga dikaitkan dengan falsafah dan pemikiran Hamka. Hamka berfikir bahawa kehidupan manusia dengan alam, seperti yang dinyatakan, iaitu ‘Alam terbentang luas dan manusia hidup di dalamnya’. Melalui kurniaan pancaindera dan akal yang boleh berfikir, manusia dapat menyaksikan alam itu dalam segala sifat dan tingkahlakunya. Dari situ diperlihatkan ada kebesaran, keajaiban dan keindahan serta terdapat beberapa perubahan tetap. Kehidupan manusia itu sendiri tidak dapat dipisahkan dengan alam. Pada mulanya, timbul perasaaan oleh manusia terhadap alam bahawa ada sesuatu yang menguasai keseluruhan alam, pengaturan alam dan yang menyusun perjalanan kitaran alam. Menurut Navis (1984), falsafah masyarakat Minangkabau ada menyebut *Alam Takambang Jadi Guru* merujuk kepada cara mereka menjadikan alam semulajadi sebagai ajaran dan pandangan (falsafah) hidup yang digambarkan dengan perkataan. Perkataan yang digunakan itu dijadikan pedoman untuk manusia dalam sebarang tindakan ataupun perilaku.

“*Penakik pisau si raut
Ambil galah batang lintabung
Seludang ambil ke nyiru
Setitik jadikan laut
Sekepal jadikan gunung
Alam terkembang jadikan guru*”

Navis (1984)

Berdasarkan petikan di atas, ia menggambarkan cara kehidupan masyarakat Minangkabau yang ditulis oleh Navis (1984). Cara kehidupan masyarakat Minangkabau juga sama kisahnya dengan masyarakat Iban walaupun berbeza adat dan budaya yang diamalkan. Reaksi dan persepsi masyarakat sentiasa bersandarkan kepada alam semesta bahawa alam semesta dijadikan ‘guru’, iaitu tempat manusia belajar dan memberi pelajaran kepada manusia yang lain. Penerangan terhadap konsep estetika kehidupan masyarakat Iban adalah berkait rapat dengan tuntutan petikan tersebut. Kehidupan estetika dalam konsep harmoni, imbangan, kesatuan dan bermakna adalah berkait rapat dengan kewujudan alam semesta yang dihuni oleh manusia.

Masyarakat Iban melihat alam itu sebagai sesuatu yang amat rapat dengan jiwa dan hati nurani. Alam dijadikan sebagai sumber pemikiran di samping perlambangan dalam membersihkan hati dan jiwa. Penggunaan unsur alam terhadap penghasilan parang *ilang* dalam budaya masyarakat Iban memperlihatkan kerangka pemikiran mereka. Ini kerana ia dilihat memiliki perlambangan dalam membersihkan hati dan jiwa. Tambahan pula, unsur alam mempunyai makna yang sangat tinggi dalam masyarakat Iban.

Berdasarkan kepada sumber alam, ia juga dijadikan sebagai salah satu produk seni yang memperlihatkan kehalusan, kerajinan dan kreativiti individu dalam bidang kraf. Kebanyakan kraf yang dihasilkan dari sumber alam dijadikan sebagai peralatan yang berfungsi di dalam kehidupan sesebuah masyarakat dari zaman dahulu sehingga sekarang. Bagi individu yang mahir dalam menghasilkan kraf, mereka menjadikan unsur-unsur alam sebagai sumber idea atau inspirasi yang utama. Mereka melihat dan mula memikirkan keindahan alam yang kemudiannya diterapkan kepada pembuatan parang *ilang*. Ini kerana kewujudan unsur-unsur alam itu telah menjadi ‘guru’ bagi menghasilkan sesuatu kraf di samping menjana kepada pemikiran mereka. Unsur-unsur alam yang diterapkan pada parang *ilang* telah memperlihatkan nilai estetika dan ia telah menjadi salah satu hasil kraf seni.

Bagi masyarakat di Kepulauan Borneo, terdapat pelbagai jenis parang yang diperbuat dari logam asli dan ia pernah popular pada zaman dahulu. Kini, ia disimpan sebagai salah satu harta pusaka warisan yang diwarisi secara bergenerasi hingga hari ini. Antara jenis parang adalah seperti parang *ilang*, parang *pandat*, parang *latok*, parang *nyabor*, parang *langgai tinggang*, parang *jimpul*, parang *pakayun*, parang *nabur*, parang *barong*, parang *kampilan*, parang *gayang*, parang *candong* dan parang *tangkin*. Dalam budaya masyarakat Dayak di Sarawak, parang bukan sahaja senjata warisan yang digunakan dalam tradisi *ngayau* atau memenggal kepala, malah merupakan salah satu harta pusaka yang masih kekal disimpan hingga hari ini. Dalam budaya masyarakat Iban, terdapat beberapa nama parang seperti *ilang*, *malat*, *tilan kemarau*, *tilang sabang*, *tali kemarau*, *langgai tinggang*, *nyabur*, pedang, *langgai manuk* dan *jempul*. Berdasarkan kepada jenis parang tersebut, *ilang* dan *nyabur* adalah merupakan ibu segala parang bagi masyarakat Iban. Dalam budaya mereka, parang *ilang* dan *nyabur* selalu disebut dalam mantera, jampi, *bebiau*, *pengap lemambang*, *sabak*, *manang*, cerita dongeng atau *ensera* atau cerita rakyat Iban. Jika dilihat dalam budaya masyarakat Iban, terdapat tiga objek warisan yang utama, iaitu parang *ilang*, *tajau* dan *pua kumbu*.

Sumber alam dapat dilihat pada beberapa bahagian struktur parang *ilang* dalam budaya masyarakat Iban. Ia merangkumi bahagian ulu parang, bilah, sarung, ukiran atau pamor, ragam hias dan motif yang digunakan. Selain itu, penghasilan parang *ilang* juga dilihat mengandungi unsur-unsur alam. Ini kerana bagi pembuat parang *ilang* dalam kalangan masyarakat Iban, mereka menggunakan sumber-sumber alam bagi mendapatkan sumber kayu, rotan serta logam (Rajah 8 dan Rajah 9). Pada zaman dahulu, masyarakat Iban hidup di sekitar rumah panjang yang dikelilingi elemen alam. Elemen-elemen alam yang wujud di sekeliling masyarakat Iban terutama pembuat parang *ilang* bagi mendapatkan sumber idea atau inspirasi bagi menghasilkan objek tersebut agar dilihat mempunyai nilai estetika alam. Jika dilihat pada hari ini, parang *ilang* memiliki estetika alam yang seterusnya

dilihat sebagai salah satu nilai seni kraf yang boleh dikomersialkan. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan status pembuat parang dan diberi pengiktirafan seperti adiguru kerana kemahiran dalam menginterpretasi unsur-unsur alam yang seterusnya diterapkan kepada penghasilan sesuatu objek kraf seperti parang *ilang*. Tambahan pula segala ekspresi oleh seorang pembuat parang *ilang* terhadap unsur-unsur alam yang dihayatinya kemudian diterjemahkan melalui kehalusan penghasilan objek tersebut.



Rajah 8: Pembuat parang *ilang* membuat anyaman rotan yang dinamakan sebagai ‘Pusat Bedus’ di anyaman di bahagian luar sarung *Ilang*
(Sumber: Adilawati Asri, 2019)



Rajah 9: *Entagai* yang dihasilkan daripada rotan
(Sumber: Adilawati Asri, 2019)

Selain tergolong sebagai salah satu objek sakral, parang *ilang* juga dilihat mempunyai pelbagai jaringan yang amat luas dengan segala aspek kehidupan dalam budaya masyarakat Iban. Antaranya adalah dalam aspek amalan kepercayaan warisan, kepimpinan, ekonomi dan status sosial dalam kehidupan mereka. Bagi masyarakat Iban, perhubungan yang baik antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam semulajadi dan antara manusia dengan kuasa-kuasa luar biasa perlulah dijaga, dipelihara dan dikekalkan selama-lamanya. Dalam budaya masyarakat Iban, wujudnya motif-motif ukiran yang terdapat pada parang *ilang* adalah dibuat berdasarkan kepada unsur-unsur alam semulajadi yang dikatakan ciptaan kuasa-kuasa luar biasa.

Dalam kehidupan masyarakat Iban, mereka melihat dan belajar dari sumber alam dan seterusnya mewujudkan falsafah mereka, iaitu melalui budaya, kerangka pemikiran, amalan kepercayaan dan ketamadunan. Ini kerana alam bukan sahaja membantu masyarakat Iban untuk berfikir malah untuk membentuk jati diri mereka. Sebelum kedatangan agama-agama besar dan berlaku globalisasi, masyarakat Iban zaman dahulu telah menjadikan alam sebagai 'guru' dalam mencari jawapan kepada persoalan yang berlaku. Mereka juga menjadikan alam sebagai sumber belajar yang membentuk pengetahuan kepada masyarakat Iban. Setiap elemen alam yang wujud di persekitaran mereka dianggap mempunyai pengaruh yang besar. Seterusnya, sumber alam ini dilihat sebagai salah satu sumber rezeki yang boleh menjana kehidupan masyarakat Iban, seperti pembuatan kraf. Mereka menggunakan sumber alam dalam pembuatan parang *ilang* yang seterusnya memperlihatkan nilai estetika dan seni.

Tercetusnya nilai-nilai seni dan estetika terhadap parang *ilang* adalah melalui falsafah masyarakat Iban yang terbina dari keindahan alam semula jadi. Ini kerana masyarakat Iban melihat kepada alam semula jadi bagi memperoleh inspirasi serta imaginasi. Berdasarkan kepada pembuatan parang *ilang* oleh seseorang pembuat parang *ilang*, ia bukan sahaja menunjukkan kemahiran kreatif malah ia juga menunjukkan kejiwaan dan kerohanian tradisi seseorang pembuat parang *ilang* di samping mencerminkan identiti serta budaya masyarakat Iban. Faktor mengenai cara untuk membentuk jati diri seseorang pembuat parang *ilang* atau digelar *tukang kambuh* adalah bergantung kepada kreativiti dan kerajinan individu tersebut. Jika dilihat dan dihayati, nilai seni dan estetika yang terdapat pada parang *ilang* adalah merupakan satu wadah yang menjadi pengantara di antara jiwa pencipta seni kepada jiwa penerima seni, iaitu samada masyarakat Iban atau masyarakat lain. Dalam konteks pembuatan dan penempatan parang *ilang*, ia dihasilkan dengan teliti agar memperlihatkan kekayaan sumber alam yang seterusnya menyumbang kepada nilai estetika dan seni dari aspek rupa dan jiwa yang dilihat boleh berkomunikasi dalam masyarakat Iban. Dari sinilah juga dapat dilihat sesuatu keupayaan dan kekayaan alam dalam memperlihatkan nilai estetika dan seni yang terdapat pada parang *ilang* itu dalam menimbulkan pelbagai penafsiran, pemikiran, rasa dan persoalan di samping gambaran budaya masyarakat Iban.

Nilai seni juga berfungsi dalam proses menyalin dan merakamkan sesebuah pengalaman hidup manusia yang tinggal dengan alam semulajadi. Jika dilihat nilai seni dan estetika yang terdapat pada parang *ilang* adalah lahir daripada kesedaran terhadap intisari sesuatu ciptaan, iaitu melalui bentuk tampaknya kepada dimensi yang terjalin pada rupa ciptaan tersebut. Ia menjadi titian di antara realiti yang zahir dan batin serta memainkan peranan sebagai perantara jiwa pencipta dan aspek penghayatan terhadap budaya masyarakat Iban. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa pemikiran dan minda manusia adalah terbina dari kewujudan alam semulajadi dalam kehidupan mereka. Melalui kekreativiti dan kehalusan kerja tangan oleh individu yang menjadikan alam sebagai sumber belajar dan inspirasi, maka parang *ilang* yang dihasilkan mempunyai nilai estetika dan seni yang menggambarkan budaya masyarakat Iban.

Konsep Ukiran dalam Budaya Masyarakat Iban

Dalam konsep ukiran dengan motif-motif tertentu dalam budaya masyarakat Iban, ia memperlihatkan status sosial, ikatan rumah panjang, media komunikasi dan identiti, serta psikologi (Augustine Anggat, 1989). Bagi aspek status sosial, ukiran dalam budaya masyarakat Iban sebenarnya memberi gambaran tentang kedudukan atau status sosial yang diadaptasikan dan dipersetujui sesama mereka di sesebuah rumah panjang tersebut. Selain itu, sesuatu ukiran yang tertentu hanya boleh dimiliki oleh golongan yang memiliki status sosial yang tinggi seperti motif naga, harimau dan *antu gerasi* (Rajah 10). Sekiranya golongan biasa memiliki motif-motif ukiran tersebut, maka dikhuatiri akan ditimpa nasib malang, sakit dan boleh membawa kepada kematian.




Rajah 10: Motif naga pada pangkal parang *ilang*

Konsep ukiran yang berkaitan dengan ikatan rumah panjang pula, ia menandakan bahawa sesuatu motif ukiran yang bersimpul-simpul yang diadaptasi dari alam sekeliling mereka adalah sebagai prinsip penting terutama bagi pembuat parang *ilang*. Ini kerana ia memperlihatkan kehidupan di rumah panjang yang saling tolong-menolong antara satu sama lain di samping kedudukan penempatan mereka yang terletak di kawasan hutan tebal. Selain itu, sesuatu ukiran dengan motif tertentu juga dijadikan sebagai media komunikasi yang boleh menyampaikan adat-istiadat, pantang-larang, kasih sayang dan perkara-perkara yang berkaitan kehidupan. Melalui ukiran motif tertentu, golongan individu dapat membezakan kedudukan seseorang ketua, orang biasa, hamba dan pihak musuh.


Lazimnya, seseorang individu yang memiliki motif ukiran tertentu akan memperoleh penghormatan dari penduduk di sekitar rumah panjang tersebut. Tambahan pula, sesuatu ukiran motif juga berfungsi sebagai identiti bagi masyarakat Iban terhadap masyarakat lain serta ia memudahkan bagi mengesan antara pihak musuh atau bukan ketika berada di medan peperangan. Dari aspek psikologi, sesuatu ukiran parang *ilang* dengan motif-motif tertentu akan menakutkan pihak lawan atau musuh mereka. Ini kerana hanya individu yang berani dan gagah seperti golongan pahlawan Iban yang layak memiliki ukiran motif kepala naga, harimau dan antu gerasi. Ini kerana sekiranya pihak musuh terlihat dengan motif ukiran tersebut pada parang *ilang*, maka ia akan memberikan kesan psikologi kepada pihak lawan atau musuh bahawa golongan tersebut bukan sebarangan dan tidak mampu untuk ditandingi.

Jenis-Jenis Ukiran dalam Budaya Masyarakat Iban

Dalam budaya masyarakat Iban, jenis-jenis ukiran dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu jenis seimbang dan tidak seimbang (Augustine Anggat, 1989). Bagi kategori ukiran jenis seimbang, pucuk daun termasuk dahan-dahan dan dedaun di bahagian kanan sama seperti di bahagian kiri. Contohnya, sekiranya pucuk daun di bahagian kanan memiliki empat helaian daun dan dua batang dahan, maka bahagian kiri juga akan memiliki empat helaian daun dan dua batang dahan. Sehubungan itu, ia menunjukkan bahawa bahagian kiri dan kanan adalah sama bagi ukiran yang jenis seimbang (Rajah 11a).



Rajah 11(a): Ukiran seimbang




Rajah 11(b): Ukiran tidak seimbang

Bagi ukiran jenis tidak seimbang pula, ia memperlihatkan pucuk daun di bahagian kanan berbeza dengan di bahagian kiri (Rajah 11b). Sekiranya pucuk dedaun di bahagian kanan mempunyai empat helaian dan dua batang dahan, manakala bagi pucuk dedaun bahagian kiri pula ada tiga atau lima helaian dedaun dan berkemungkinan hanya terdapat satu dahan atau tiada dahan langsung. Bagi ukiran jenis tidak seimbang memperlihatkan ketidaksimbangan jumlah helaian dedaun dan batang pada bahagian kiri dan kanan.

Nama-Nama Bahagian Ukiran

Bagi sesuatu ukiran dalam budaya masyarakat Iban, ia boleh dikategorikan kepada bahagian pohon, batang, pucuk dan dedaun. Bagi bahagian pohon, batang, pucuk dan dedaun, ia digelar sebagai 'Bunga Ukir'. Bagi ukiran yang dihasilkan pada sesuatu objek, seperti pada struktur tertentu parang *ilang* adalah berasaskan kepada pelbagai jenis binatang, burung, tumbuh-tumbuhan, manusia ataupun gergasi. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Iban memperoleh sumber belajar dari alam terutama golongan tertentu untuk menghasilkan parang *ilang* serta diletakkan dengan motif ukiran (Rajah 12).

Menurut Navis (1984), alam adalah merupakan sumber belajar kepada sesebuah masyarakat yang mendiami di persekitarannya. Falsafah 'Alam Takambang Jadi Guru' adalah merujuk kepada 'sumber belajar' sekaligus sebagai 'sumber ilmu'. Ini membawa makna bahawa alam adalah sumber belajar dan dapat memenuhi keperluan pemikiran manusia terhadap melakukan sesuatu perkara yang diinginkan. Situasi ini dapat disamakan dengan kehidupan masyarakat Iban yang mendiami bersama alam dan menjadikan alam sebagai sumber belajar yang seterusnya menyumbang kepada penghasilan ukiran yang mengandungi motif dari alam flora dan fauna.



Rajah 12: Nama-nama bahagian ukiran

Motif *Lemetak* (Pacat) dalam Budaya Masyarakat Iban

Dalam budaya masyarakat Iban, penciptaan motif-motif tradisi seni rupa banyak dipengaruhi oleh amalan kepercayaan tradisi seperti motif yang menggambarkan makhluk ghaib, ritual tertentu dan haiwan berbisa. Terdapat juga motif yang memberi gambaran kehidupan seharian seperti motif yang diilhamkan daripada sumber alam seperti pengaruh flora dan fauna yang berada di persekitaran kehidupannya. Selain motif yang berasaskan alam sekeliling dan amalan kepercayaan, pemilikan terhadap peralatan tradisi bagi menghasilkan reka bentuk sesuatu motif perlu dibuat secara berhati-hati mengikut kehendak kepercayaan tradisi masyarakat tersebut. Bagi parang *ilang*, bahagian sarung dan hulu objek ini yang pernah digunakan dalam tradisi ngayau diukir dengan motif pacat (Rajah 13a dan Rajah 13b). Ini kerana mengikut amalan kepercayaan warisan oleh masyarakat Iban, semangat pacat pada motif ukiran itu dipercayai boleh membersihkan kotoran yang terdapat pada parang *ilang* tersebut. Motif lintah juga dipercayai memiliki semangat yang hampir sama seperti motif pacat.



Rajah 13(a): Ukiran pacat yang hampir siap



Rajah 13(b): Corak ukiran pacat

Masyarakat Iban dahulu tinggal jauh di kawasan pedalaman yang dikelilingi oleh hutan tebal. Selain itu, persekitaran kehidupan mereka juga dikelilingi dengan keindahan tumbuh-tumbuhan yang menghiu serta kewujudan haiwan makro dan mikro yang mendiami di kawasan hutan tebal tersebut. antara makro organisme yang menjadi perhatian masyarakat Iban pada masa itu adalah merupakan lemetak atau pacat. Mereka memilih *lemetak* (pacat) kerana kehalusan binatang ini serta ianya sukar dilihat oleh mata kasar manusia dan tanpa disedari ia telah hinggap pada mangsanya untuk menghisap darah. Justeru itu, ketangkasan dan kebijaksanaan *lemetak* telah dijadikan teladan oleh golongan pahlawan Iban untuk menyerang pihak musuh di medan peperangan.

Dari aspek psikologi, *lemetak* adalah binatang yang menjijikkan dan menggelikan. Bagi sesetengah individu akan terasa seram, takut dan cuba melarikan diri apabila melihatnya. Tambahan pula, agak sukar untuk membunuh haiwan seperti pacat kerana ia kecil dan sukar dilihat dengan penglihatan kasar. Berbanding dengan ular, pacat adalah haiwan tidak berbisa tetapi manusia sanggup dan berani menggadaikan nyawa mereka untuk membunuh ular tersebut. Ini membawa maksud kepada manusia memiliki rasa takut pada sesuatu yang lembut dan halus seperti pacat dan tidak takut pada sesuatu yang berbisa. Sehubungan daripada bentuk pemikiran masyarakat Iban tersebut, maka motif ukiran pacat diaplikasikan pada alat-alat persenjataan seperti parang *ilang*. Bagi ukiran motif pacat dan lintah memberikan kesan psikologi kepada pihak musuh atau lawan apabila melihatnya pada parang *ilang*. Ukiran motif pacat atau lintah lazimnya diukir pada parang *ilang* dan terabai (perisai) sewaktu tradisi ngayau. Justeru itu, alat persenjataan seperti parang *ilang* sahaja yang boleh dibuat ukiran yang bermotifkan pacat atau lintah. Bagi parang biasa, ia tidak boleh diukir dengan ukiran motif tersebut.

KESIMPULAN

Kewujudan sesuatu seni rupa itu sebenarnya adalah salah satu cerminan kepada sesebuah masyarakat yang bertamadun atau mempunyai daya intelektual yang tinggi. Kearifan dan kepandaian masyarakat Iban dalam membaca dan menilai bentuk dan sifat alam menyebabkan mereka mampu menjadikan alam semulajadi sebagai simbol dan sumber falsafah yang diterjemahkan ke dalam seni rupa parang *ilang*. Justeru itu, perilaku dan sifat alam melahirkan simbol terhadap ukiran motif pada seni rupa parang *ilang* sekaligus memperlihatkan nilai-nilai estetika. Estetika adalah sesuatu bidang ilmu yang membahaskan tentang keindahan alam yang diperlihatkan pada hasil-hasil seni oleh sesebuah masyarakat penciptanya. Selain itu, estetika juga merupakan bidang ilmu pengetahuan tentang pengamatan terhadap alam semulajadi yang kemudiannya diterjemahkan kepada hasil-hasil seni yang menggambarkan kekreativiti dan pola pemikiran sesebuah masyarakat.

Cadangan penyelidikan membincangkan usaha-usaha atau strategi-strategi yang boleh dilaksanakan untuk melestarikan parang *ilang* sebagai salah satu warisan seni rupa dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana parang *ilang* adalah merupakan salah satu warisan yang melambangkan simbol identiti masyarakat Iban di Sarawak.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini ditujukan kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan penyelia utama, iaitu Professor Madya Dr Noria anak Tugang.

RUJUKAN

- Abdullah, I.H., & Hashim, R.S. (n.d), 2009. A Cognitive Semantics Analysis of A nature in Malay. *European Journal of Social Sciences*, 8(1): 140-151.
- Ahmad. M.A, (1991). Nilai hidup masyarakat Melayu. Dlm. *Dinamika Budaya*. Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura.
- Ahmad, R., & Usop, H., (2014). *Conducting research in social sciences and management studies*. Malaysia: RS Publishing House.
- Ahmad, R., & Usop. H., (2011). *Conducting research in social sciences, humanities, economics and management studies. A practical guide*. Kuching, Malaysia: RS Group Publishing House.
- Cresswell, J.W. (2009). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches* (3rd Edition). United States: Library of Congress Cataloging in Publications Data.
- Joan, A., (2012). *Seni Pembuatan Ilang dan Nyabur: Kebanggaan dan Simbol Masyarakat Iban di Sarawak. Simposium Bahasa dan Budaya Iban dan Folklor Borneo/ Kalimantan*. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Kuching, Sarawak.
- Kling, Z., 2004. Adat Melayu. Dlm. *Kepimpinan Adat Perkawinan Melayu Melaka*, disunting Abdul Latiff Abu Bakar dan Hanipah Hussin (ed.) Melaka: Institut Seni Malaysia, Melaka.
- Lamnek. (1989). *Qualitative Analysis in Spesific Contexts*. Sarantakos S., Social Research, (1993), (305-306). Charles Sturt University: Riverina.
- Navis, A.A. (1984) Alam berkembang jadi guru: adat dan kebudayaan Minangkabau /A. A. Navis. Grafipers, Jakarta.
- Paran, R., (2010). Warisan Seni Parang Ilang. Sarawak: Utusan Sarawak. [Retrieved from] <http://www.utusansarawak.com/2010.03/16/warisanseniparangilang/>
- Resosoedarmo, S., Kartawinata, K., & Soegiarto, A. (1985). Pengantar Ekologi. Jakarta: IKIP Jakarta.
- Talib, O., (2013) Asas penulisan tesis, penyelidikan & statistik. Universiti Putra Malaysia Press, Serdang, Selangor.